**Rajah 1.5:** (a) Sebatian 1-benzoil-3-alkiltiourea bertindak sebagai ligan monodentat. (b) Sebatian 1-benzoil-3,3-dialkiltiourea bertindak sebagai ligan bidentat. (- - - menandakan ikatan hidrogen).

## 1.2 Analisis Konformasi Sebatian Asiltiourea

Perbezaan aturan atau susunan molekul dalam suatu ruang akibat dari putaran satu ikatan sigma ( $\sigma$ ) menyebabkan berlakunya perubahan tenaga. Kajian terhadap perubahan tenaga semasa putaran itu disebut sebagai analisis konformasi.

Woldu dan Dillen [7] telah melakukan analisis konformasi ke atas beberapa sebatian asiltiourea iaitu formiltiourea, asiltiourea, trifluoroasiltiourea, 1-formil-3-metiltiourea dan 1-formil-3-trifluorometiltiourea (Rajah 1.6). Kajian dibuat ke atas sebatian-sebatian tersebut dengan melakukan putaran kepada dua ikatan C-N iaitu C2-N4 dan N4-C5 untuk membentuk tiga konformasi iaitu *trans-cis*, *trans-trans* dan *cis-cis* (Rajah 1.2). Hasil dari kajian yang menggunakan kaedah MP2 6-311G(d) didapati konformasi *trans-cis* adalah yang paling stabil seterusnya diikuti oleh

konformasi *cis-cis* dan konformasi *trans-trans*. Perbezaan tenaga antara konformasi bertenaga tertinggi dengan konformasi bertenaga terendah (konformasi paling stabil) memberikan nilai sawar tenaga.



**Rajah 1.6:** Gambarajah sebatian (a) formiltiourea, (b) asiltiourea, (c) trifluoroasiltiourea, (d) 1-formil-3-metiltiourea dan (e) 1-formil-3-trifluorometiltiourea.

Sawar tenaga bagi konformasi *cis-cis* adalah di antara 22.7 kJ/mol (formiltiourea) hingga 39.9 kJ/mol (trifluoroasiltiourea). Manakala bagi konformasi *trans-trans* pula antara 43.9 kJ/mol (trifluoroasiltiourea) hingga 55.2 kJ/mol (1-formil-3-metiltiourea). Kedua-dua bentuk konformasi ini memutuskan ikatan hidrogen intra-molekul C5O6- -HN3 tetapi konformasi *trans-trans* memberikan kesan sterik yang lebih besar [7].









### 1.3 Analisis Konformasi Sebatian Arilbenzoiltiourea

Pada tahun 2003, Weiqun *et al.* telah mensintesis sebatian 1-(4-klorobenzoil)-3-(2-metilfenil)tiourea [8] (Rajah 1.7a). Hasil daripada kajian komputeran terhadap sebatian tersebut dengan kaedah DFT B3LYP 6-311G(d)

menunjukkan konformasi *trans-cis* (Rajah 1.2) adalah konformer paling stabil tetapi analisis konformasi secara terperinci tidak dilaporkan.

Satu lagi sebatian arilbenzoiltiourea iaitu 1-(4-klorobenzoil)-3-(4-metilfenil)tiourea (Rajah 1.7b), juga disintesis oleh Weiqun *et al.*[9]. Kali ini beliau melaporkan analisis konformasi molekul tunggal ke atas sebatian itu. Analisis konformasi dilakukan dengan mengubah sudut dihedral N3C2---N4C5 ( $\theta$ ) untuk setiap 30° daripada 0° hingga 180°. Kaedah yang digunakan adalah DFT B3LYP 3-21G. Hasil daripada analisis konformasi ini dapat dibentuk profil tenaga konformasi iaitu dengan memplotkan tenaga konformasi relatif melawan sudut dihedral ( $\theta$ ). Bagi sebatian ini minimum global berlaku pada  $\theta = 0^\circ$ , minimum tempatan pula pada  $\theta = 150^\circ$  dan terdapat dua maksimum tempatan iaitu pada  $\theta = 120^\circ$  dan  $\theta = 180^\circ$ . Konformasi paling stabil adalah *trans-cis*,  $\theta = 0^\circ$  dan konformer yang paling kurang stabil (tenaga tertinggi) adalah konformasi *trans-trans*,  $\theta = 180^\circ$ . Perbezaan tenaga antara dua konformer itu adalah 84.9 kJ/mol.

Ciri-ciri konformasi sebatian 1-(4-klorobenzoil)-3-(4-metoksifenil)tiourea [10] (Rajah 1.7c), adalah sama dengan dua sebatian sebelumnya. Ciri profil tenaga konformasi relatif juga hampir serupa kerana kaedah yang digunakan adalah sama dan sebatian ini juga mempunyai sawar tenaga 84.9 kJ/mol. Sebatian 1-(2-fluorobenzoil)-3-(2-metoksifenil)tiourea [11] (Rajah 1.7d), juga dilakukan analisis konformasi ke atasnya dengan menggunakan kaedah yang sama dan keputusannya adalah sama tetapi sawar tenaganya besar sedikit iaitu 85.8 kJ/mol.



**Rajah 1.7:** Beberapa sebatian arilbenzoiltiourea yang terlibat dalam analisis konformasi..

Penggunaan set basis yang lebih besar iaitu 6-31G(d) untuk analisis konformasi ke atas sebatian 1-(2-fluorobenzoil)-3-(4-metoksifenil)tiourea [12] (Rajah 1.7e) pada tahap DFT telah dilakukan tetapi tidak dilaporkan dengan terperinci. Konformasi paling stabilnya juga adalah konformer  $\theta = 0^\circ$  (konformasi *trans-cis*) dan konformer tenaga tertinggi (kurang stabil) juga adalah konformer  $\theta = 180^\circ$  dengan sawar tenaganya sebanyak 90.2 kJ/mol.

Kajian konformasi bagi sebatian-sebatian arilbenzoiltiourea yang dinyatakan di atas hanya melibatkan konformasi *trans-cis* dan *trans-trans*, manakala konformasi *cis-cis* seperti pada sebatian-sebatian asiltiourea tidak langsung disentuh. Analisis konformasi dengan lebih terperinci ke atas sebatian 1-(2-klorobenzoil)-3-(2-fluorofenil)tiourea (Rajah 1.7f), 1-(2-klorobenzoil)-3-(3-fluorofenil)tiourea (Rajah 1.7g) dan 1-(2-klorobenzoil)-3-(4-fluorofenil)tiourea (Rajah 1.7h) telah dilakukan dengan menggunakan kaedah DFT B3LYP 6-31G. Perubahan sudut dihedral pada N3C2—N4C5 dan C2N4—C5O6 pada setiap  $20^\circ$  dari  $0^\circ$  hingga  $180^\circ$  boleh membentuk konformasi *trans-cis*, *trans-trans* dan *cis-cis*. Pada konformasi *trans-trans*, sawar tenaganya adalah 60.9 kJ/mol bagi 1-(2-klorobenzoil)-3-(2-fluorofenil)tiourea, 65.1 kJ/mol bagi 1-(2-klorobenzoil)-3-(3-fluorofenil)tiourea dan 65.1 kJ/mol bagi 1-(2-klorobenzoil)-3-(4-fluorofenil)tiourea. Manakala sawar tenaga untuk konformasi *cis-cis* adalah antara 73.5 kJ/mol hingga 94.5 kJ/mol bagi ketiga-tiga sebatian itu [13].

Ini menunjukkan konformasi *trans-trans* bagi sebatian-sebatian tersebut lebih stabil jika dibandingkan dengan konformasi *cis-cis*, ianya berbeza dengan konformasi paling stabil pada sebatian asiltiourea. Fenomena ini berlaku akibat kehadiran gelang aromatik yang mengakibatkan kesan sterik lebih kuat pada

konformasi *cis-cis*. Konformasi *trans-cis* adalah konformasi paling stabil untuk ketiga-tiga sebatian tersebut sama seperti sebatian-sebatian yang dibincangkan sebelumnya. Hasil daripada analisis konformasi ini, tenaga maksimum berada pada konformasi *trans-trans* ( $\theta = 180^\circ$ ) dan tenaga minimum pula berada konformasi *trans-cis* ( $\theta = 0^\circ$ ). Situasi yang sama juga berlaku kepada sebatian 1-(4-(4-fluorobenzamido)-fenil)-3-(4-fluorobenzoil)tiourea, [14] dan 1-benzoil-3-bifeniltiourea [15].

Secara keseluruhannya konformasi *trans-cis* adalah konformasi paling stabil. Ini disebabkan wujudnya ikatan hidrogen intra-molekul yang terbentuk antara atom oksigen (O6) pada kumpulan karbonil dengan atom hidrogen pada N3 (C5O6...H19N3). Hasilnya akan membentuk satu gelangan enam ahli (-O6- -H-N3-C2-N4-C5-) yang menstabilkan konformasi *trans-cis*. Kestabilan ini ditambah dengan wujudnya ikatan hidrogen intra-molekul lain iaitu C9F- -H7N4 pada 1-(2-fluorobenzoil)-3-(2-metoksifenil)tiourea dan 1-(2-fluorobenzoil)-3-(4-metoksifenil)tiourea, C9Cl- - -H7N4 pada 1-(2-klorobenzoil)-3-(2-fluorofenil)tiourea, 1-(2-klorobenzoil)-3-(3-fluorofenil)tiourea serta 1-(2-klorobenzoil)-3-(4-fluorofenil)tiourea dan C9F- -H7N4 pada 1-(2-klorobenzoil)-3-(4-fluorofenil)tiourea. Secara ringkasnya, kesemua sawar tenaga untuk sebatian-sebatian tersebut dinyatakan dalam Jadual 1.1

**Jadual 1.1:** Sawar tenaga dan panjang ikatan C-N untuk beberapa sebatian arilbenzoiltiourea.


	Sebatian Kimia	Sawar Tenaga (kJ/mol)	Panjang ikatan (Å)		
			C2-N3	C2-N4	C5-N4
a	1-(4-klorobenzoil)-3-(2-metilfenil)tiourea [8]	-	1.329	1.361	1.342
b	1-(4-klorobenzoil)-3-(4-metilfenil)tiourea [9]	84.9	1.336	1.407	1.397
c	1-(4-klorobenzoil)-3-(4-metoksifenil)tiourea [10]	84.9	1.333	1.398	1.377
d	1-(2-fluorobenzoil)-3-(2-metoksifenil)tiourea [11]	85.8	1.339	1.404	1.368
e	1-(2-fluorobenzoil)-3-(4-metoksifenil)tiourea [12]	90.2	1.338	1.404	1.374
f	1-(2-klorobenzoil)-3-(2-fluorofenil)tiourea [14]	60.9	1.351	1.412	1.377
g	1-(2-klorobenzoil)-3-(3-fluorofenil)tiourea [14]	65.1	1.350	1.415	1.375
h	1-(2-klorobenzoil)-3-(4-fluorofenil)tiourea [14]	65.1	1.347	1.416	1.374

Terdapat persamaan sawar tenaga antara 1-(4-klorobenzoil)-3-(4-metilfenil)tiourea (84.9 kJ/mol) dan 1-(4-klorobenzoil)-3-(4-metoksifenil)tiourea (84.9 kJ/mol) tetapi berbeza dengan 1-(2-fluorobenzoil)-3-(2-metoksifenil)tiourea (85.8 kJ/mol) yang menunjukkan posisi kumpulan penukar ganti mempengaruhi sawar tenaga dan ini diperkuatkan lagi dengan perbezaan antara 1-(2-klorobenzoil)-3-(2-fluorofenil)tiourea (60.9 kJ/mol) dan 1-(2-fluorobenzoil)-3-(4-metoksifenil)tiourea (90.2 kJ/mol). Namun begitu kesan sifat elektronik kumpulan penukar ganti terhadap sawar tenaga tidak dibincangkan dalam kajian-kajian tersebut.



Kesemua kumpulan penyelidik yang melakukan kajian ke atas sebatian arilbenzoiltiourea yang dibincangkan setakat ini telah melakukan pengoptimaan semula ke atas konformer paling stabil iaitu konformer *tran-cis*,  $\theta = 0^\circ$  dengan kaedah DFT B3LYP tetapi set basisnya berbeza iaitu 6-31G+(d), 6-311G(d), 6-311G(d,p). Walau bagaimanapun, didapati parameter geometrinya (panjang ikatan, sudut ikatan dan sudut dihedral) bersetuju dengan data daripada eksperimen untuk ketiga-tiga set basis tersebut.

Berdasarkan kepada kajian-kajian yang dinyatakan di atas didapati tiga ikatan C-N iaitu C2-N3, C2-N4 dan N4-C5 (Rajah 1.8) pada bahagian tiourea menjadi fokus utama kerana ia akan membentuk sistem berkonjugat  $\pi$ . Ciri-ciri sistem konjugat ini dapat diperhatikan melalui panjang ketiga-tiga ikatan C-N tersebut (Jadual 1.1). Oleh itu, kajian ini akan membandingkan panjang semua ikatan C-N tersebut bagi semua sebatian-sebatian arilbenzoiltiourea untuk melihat perkaitan antara sawar tenaga, posisi dan sifat elektronik kumpulan penukar ganti dengan panjang ikatan C-N.




**Rajah 1.8:** Skema penomboran atom-atom yang terdapat dalam sebatian arilbenzoiltiourea yang akan digunakan pada keseluruhan kajian ini.

Ketiga-tiga ikatan C-N boleh disifatkan sebagai ikatan separa dubel kerana panjang ikatannya (Jadual 1.1) adalah lebih kecil daripada ikatan tunggal C-N (1.467 Å) tetapi lebih panjang dari ikatan dubel C=N (1.279 Å). Sistem berkonjugat berlaku kerana kedua-dua atom nitrogen pada sebatian-sebatian tersebut mengalami penghibridan  $sp^2$ . Juga didapati ikatan C2-N3 adalah yang terpendek. Jarak ikatan yang pendek menunjukkan ketumpatan elektron yang tinggi pada ikatan kimia dan menambahkan kekuatannya [1]. Oleh yang demikian, ketumpatan elektron pada C2-N3 adalah yang tertinggi berbanding dengan ikatan-ikatan C-N yang lain.

Fenomena itu dapat diperjelaskan dengan lebih lanjut oleh hasil kajian ke atas formiltiourea dan asetiltiourea [7]. Pasangan elektron tersendiri yang ada pada N3 lebih mudah terlibat dalam pembentukan sistem konjugat jika dibandingkan dengan pasangan elektron tersendiri pada N4. Oleh itu, C2 lebih mudah membentuk sistem konjugat dengan atom N3 berbanding dengan N4. Selain itu, sistem konjugat N4 lebih meluas iaitu antara N4-C2 dan N4-C5 berbanding dengan N3 yang hanya membentuk konjugat dengan C2 sahaja bagi menghasilkan struktur resonan (Skema 1.1).

Kesan posisi kumpulan-kumpulan penukarganti ke atas ketiga-tiga ikatan C-N dapat dilihat pada sebatian 1-(2-klorobenzoil)-3-(2-fluorofenil)tiourea, 1-(2-klorobenzoil)-3-(3-fluorofenil)tiourea dan 1-(2-klorobenzoil)-3-(4-fluorofenil)tiourea. Panjang ikatan C2-N3 dan N4-C5 akan memendek menurut aturan posisi *orto*, *meta*, *para* untuk atom fluorin pada gelang fenil, manakala ikatan C2-N4 akan memanjang pada turutan yang sama (Jadual 1.1).



**Skema 1.1:** Gambaran resonans sebatian formiltiourea [7].


Sifat elektronik kumpulan penukar ganti boleh dilihat pada sebatian 1-(4-klorobenzoil)-3-(4-metilfenil)tiourea dan 1-(4-klorobenzoil)-3-(4-metoksifenil)tiourea. Kehadiran kumpulan metoksil pada 1-(4-klorobenzoil)-3-(4-metoksifenil)tiourea akan memendekkan ketiga-tiga ikatan C-N itu berbanding dengan C-N pada sebatian 1-(4-klorobenzoil)-3-(4-metilfenil)tiourea yang terdapat kumpulan metil padanya (Jadual 1.1).

Perkaitan antara panjang ikatan C-N dengan sawar tenaga hanya dapat dilihat pada ikatan C2-N4 dan N4-C5, walaupun ianya tidak ketara. Pemanjangan ikatan C2-N4 dan pemendekkan N4-C5 meningkatkan sawar tenaga. Perbandingan ini dibuat antara 1-(4-klorobenzoil)-3-(4-metoksifenil)tiourea dengan 1-(2-fluorobenzoil)-3-(2-metoksifenil)tiourea serta 1-(2-klorobenzoil)-3-(2-

fluorofenil)tiourea dengan 1-(2-klorobenzoil)-3-(3-fluorofenil)tiourea. Namun begitu, ia tidak begitu tepat kerana posisi dan jenis kumpulan penukar ganti tidak konsisten. Oleh itu kajian lebih terperinci perlu dilakukan (Jadual 1.1).

#### 1.4 Konformasi Terbitan Tiourea Yang Lain


Kajian konformasi molekul tunggal terhadap sebatian 1-(4-fenilbenzoil)-3-(3-metilpiridin-2-il)tiourea [16] (Rajah 1.9) telah dilakukan dengan mengubah sudut dihedral N3C2—N4C5 sahaja. Perubahan sudut dihedral dilakukan untuk setiap  $10^\circ$  daripada  $0^\circ$  hingga  $360^\circ$ . Hasil dari kajian tersebut mendapati tiga titik minimum iaitu minimum global ( $\theta = 0^\circ$ ) dan dua minimum tempatan ( $\theta = 140^\circ$  dan  $\theta = 220^\circ$ ) dan tiga titik maksimum tempatan iaitu pada  $\theta = 110^\circ$ ,  $\theta = 180^\circ$  dan  $\theta = 260^\circ$ . Konformer yang mempunyai tenaga tertinggi adalah konformer pada sudut  $\theta = 180^\circ$ , yang mempunyai sawar tenaga  $86.6$  kJ/mol. Sekali lagi konformasi *trans-cis*,  $\theta = 0^\circ$ , adalah konformer paling stabil sama ada dalam keadaan molekul tunggal atau dalam keadaan kekisi hablur.



**Rajah 1.9:** Gambarajah sebatian 1-(4-fenilbenzoil)-3-(3-metilpiridin-2-il)tiourea.


Melalui kajian pembelauan sinar-X terhadap hablur pepejalnya didapati dua konformasi *trans-cis* tetapi berbeza sudut dihedralnya iaitu  $\theta = -0.1^\circ$  dan  $8.1^\circ$  dan perbezaan tenaga antara keduanya adalah  $0.84$  kJ/mol. Daripada perbezaan tenaga ini dijangkakan pertukaran antara kedua-dua konformer tersebut dapat

berlaku. Fenomena yang sama berlaku ke atas sebatian 1-(2-metilbenzoi)-3-(4-nitrofenil)tiourea [17] (Rajah 1.10).




**Rajah 1.10:** Gambarajah sebatian 1-(2-metilbenzoi)-3-(4-nitrofenil)tiourea.

Sosa-Albertus dan Piris [18] telah melakukan kajian konformasi ke atas sebatian 1-(4-X-benzoi)-3,3-dimetiltiourea ( $X = \text{H}, \text{CH}_3, \text{Cl}$  dan  $\text{Br}$ ). Mereka melakukan analisis konformasi dengan mengubah dua sudut dihedral iaitu  $\text{N3C2—N4C5}$  dan  $\text{C2N4—C5O6}$  (Rajah 1.11) daripada  $0^\circ$  hingga  $360^\circ$ . Operasi ini membentuk tiga konformasi iaitu *trans-cis*, *trans-trans* dan *cis-cis*. Hasil daripada analisis itu mendapati konformasi *trans-cis* adalah konformasi paling stabil ( $\theta = 0^\circ$ ). Konformasi *trans-trans* ( $\theta = 180^\circ$ ) adalah konformer yang mempunyai tenaga tertinggi dan memberikan sawar tenaga sebanyak 37.8 kJ/mol. Berdasarkan kajian pembelauan sinar-X konformasi keadaan pepejal dalam bentuk hablur adalah sama dengan konformasi molekul tunggal iaitu konformasi *trans-cis*.




**Rajah 1.11:** Gambarajah dan skema penomboran untuk sebatian 1-(4-X-benzoi)-3,3-dimetiltiourea.

Namun begitu terdapat juga sebatian yang mempunyai konformasi berbeza di antara kedua-dua keadaan tersebut. Berdasarkan hasil kajian komputeran, sebatian 1-(2-klorobenzoil)-3,3-dietiltiourea [19] dan O-etilbenzoiltiokarbamat mempunyai konformasi *trans-cis* (Rajah 1.12a dan Rajah 1.13a) pada keadaan molekul tunggal tetapi hasil daripada kajian pembelauan sinar-X ke atas kekisi hablurnya mendapati molekul itu berada dalam konformasi *trans-trans* [20] (Rajah 1.12b dan Rajah 1.13b).



**Rajah 1.12:** Gambarajah dua konformasi untuk sebatian 1-(2-klorobenzoil)-3,3-dietiltiourea. (a) *trans-cis*, (b) *trans-trans*.



**Rajah 1.13:** Gambarajah dua konformasi untuk sebatian O-etilbenzoiltiokarbamat. (a) *trans-cis*, (b) *trans-trans*.

Pada amnya sebatian asiltiourea dan benzoiltiourea yang membentuk ikatan hidrogen intra-molekul antara atom oksigen pada karbonil dan atom hidrogen pada kumpulan tiourea akan memilih untuk membentuk konformasi *trans-cis*. Berbeza pula bagi sebatian tiourea yang tidak membentuk ikatan hidrogen seperti ini. Molekul ini lebih bebas untuk memilih konformasi terutamanya dalam keadaan


molekul tunggal sehinggakan berlaku perbezaan konformasi dengan molekul dalam bentuk hablur.

## 1.5 Analisis Orbital Molekul Persempadanan

Orbital Molekul Persempadanan (Frontier Molecular Orbital, FMO) terdiri daripada dua jenis iaitu Orbital Molekul Penuh Tertinggi (Highest Occupied Molecular Orbital, HOMO) dan Orbital Molekul Kosong Terendah (Lowest Unoccupied Molecular Orbital, LUMO). Analisis FMO boleh dilakukan berdasarkan tenaga pada HOMO dan LUMO, perbezaan lokasi HOMO dan LUMO pada molekul yang sama dan ciri-ciri HOMO dan LUMO.

Konsep kekerasan kimia ( $\eta$ ), kelembutan kimia ( $S$ ) dan keelektronegatifan ( $\chi$ ) telah diperkenalkan untuk meramalkan kereaktifan bagi sesuatu sebatian kimia secara global. Kajian ke atas sebatian 1-(4-X-benzoil)-3-propiltiourea (X: NO<sub>2</sub>, Cl, Br, I, H, t-butil, C<sub>7</sub>H<sub>15</sub>O dan CH<sub>3</sub>O) (Rajah 1.14) menunjukkan kelembutan kimia ( $S$ ) sebatian-sebatian tersebut dipengaruhi oleh sifat elektronik kumpulan penukar ganti di mana kedudukan kumpulan penukar ganti itu adalah pada posisi *para* di gelang benzoil (Jadual 1.2). Sebatian yang mempunyai kumpulan penarik elektron (X = NO<sub>2</sub>, Cl, Br, I) kereaktifannya berkurangan, manakala sebatian yang mempunyai kumpulan penderma elektron (X = t-butil, C<sub>7</sub>H<sub>15</sub>O, CH<sub>3</sub>O), kereaktifannya meningkat berbanding dengan molekul induk iaitu 1-benzoil-3-propiltiourea (X = H). Fenomena ini terjadi akibat daripada taburan elektron yang teranjak ke arah kumpulan penarik elektron dan mengurangkan ketumpatan elektron pada bahagian tiourea. Sebaliknya elektron akan tertumpu pada

bahagian tiourea bagi sebatian yang mempunyai kumpulan penukar ganti penderma elektron [21].



X = H, Cl, Br, I, NO<sub>2</sub>, t-butyl, CH<sub>3</sub>O, C<sub>7</sub>H<sub>15</sub>O

**Rajah 1.14:** Gambarajah sebatian 1-(4-X-benzoyl)-3-propiltiourea.

**Jadual 1.2:** Analisis kelembutan (S) kimia ke atas sebatian 1-(4-X-benzoyl)-3-propiltiourea [21].


Sebatian	X	Kelembutan kimia (eV)
1-(4-nitobenzoyl-3-propiltiourea	NO <sub>2</sub>	143.68
1-(4-klorobenzoyl-3-propiltiourea	Cl	163.82
1-(4-bromobenzoyl-3-propiltiourea	Br	165.44
1-(4-iodobenzoyl-3-propiltiourea	I	168,16
1-benzoyl-3-propiltiourea	H	170.34
1-(4-t-butylbenzoyl-3-propiltiourea	t-butyl	172.52
1-(4-heptoksibenzoyl-3-propiltiourea	C <sub>7</sub> H <sub>15</sub> O	176.34
1-(4-metoksibenzoyl-3-propiltiourea	CH <sub>3</sub> O	180.14

Kekerasan kimia sangat sensitif kepada perubahan sudut dihedral. Jika perubahan sudut dihedral berlaku maka ia akan mengganggu kestabilan molekul dan akan mengubah kekerasan kimianya [22]. Pada kebiasaannya suatu molekul yang berada pada konformasi bertenaga minimum mempunyai kekerasan kimia



maksimum dan bagi molekul pada konformasi bertenaga maksimum kekerasan kimianya adalah minimum [23].

Kajian yang dibuat oleh Parthasarathi *et al.* ke atas sebatian 2,2',5,5'-tetraklorobifenil (TKBF) [24] dan 3,3',4,4',5,5'-heksaklorobifenil (HKBF) [25] yang ditunjukkan dalam Rajah 1.15a dan 1.15b dapat menerangkan perkaitan di antara konformasi, sawar tenaga dan kekerasan kimia. Kereaktifan kedua-dua sebatian-sebatian itu diukur berdasarkan kebebasan putaran pada ikatan C2-C3 yang menyambungkan dua gelang fenil untuk membentuk beberapa konformasi yang sesuai untuk menjalani tindak balas kimia. Beliau mendapati HKBF lebih aktif daripada TKBF.




**Rajah 1.15:** Gambarajah skema penomboran untuk sebatian (a) 2,2',5,5'-tetraklorobifenil (TKBF) dan (b) 3,3',4,4',5,5'-heksaklorobifenil (HKBF).


Analisis konformasi ke atas kedua-dua molekul itu dilakukan dengan mengubah sudut dihedral C1C2—C3C4 ( $\theta$ ) untuk mendapatkan tenaga konformasi relatif dan tenaga pada HOMO dan LUMO bagi memperolehi nilai kekerasan kimia.

Ringkasnya sebatian TKBF mempunyai konformasi global minimum ( $\theta = 90^\circ$ ) berbetulan dengan kekerasan kimia maksimum (280.0 kJ/mol) dan konformasi maksimum setempat ( $\theta = 180^\circ$ ) pula berbetulan dengan kekerasan kimia minimum (222.0 kJ/mol). Oleh yang demikian sawar tenaganya adalah 122.96 kJ/mol. Perkara yang sama juga berlaku kepada sebatian HKBF, tetapi pada konformasi yang berbeza iaitu minimum globalnya pada  $\theta = 30^\circ$  dan maksimum setempatnya pula pada  $\theta = 90^\circ$  dan sawar tenaganya hanya 1.79 kJ/mol. Daripada keputusan ini, kedua-dua molekul itu reaktif tetapi HKBF lebih reaktif daripada TKBF kerana HKBF mempunyai sawar tenaga yang lebih kecil.


Pengujaan satu elektron daripada HOMO ke LUMO dalam satu molekul dapat memberikan petanda bahawa berlakunya perpindahan cas intra-molekul. Ini dapat dilihat melalui perbezaan ketumpatan elektron pada HOMO dan LUMO. Pada sebatian 5-hidroksiflavona (Rajah 1.16a) terdapat perpindahan cas berlaku daripada kumpulan hidroksil kepada kumpulan karbonil. Ini dapat dipastikan kerana ketumpatan elektron kumpulan hidroksil lebih tinggi daripada ketumpatan elektron kumpulan karbonil pada HOMO. Manakala ketumpatan elektron dua kumpulan berfungsi tersebut pada LUMO pula adalah sebaliknya [26].



(a) 5-hidroksiflavona



(b) asid 2-hidroksinaftalenik hidrazida



(c) 4-nitroanilina

**Rajah 1.16:** Sebatian 5-hidroksiflavona, asid 2-hidroksinaftalenik hidrazida dan 4-nitronanalina.


Perpindahan cas juga dapat diperhatikan pada asid 2-hidroksinaftalenik hidrazida (Rajah 1.16b). Dalam HOMO ketumpatan elektron bagi molekul ini tertumpu pada gelang naftalena dan kumpulan hidroksil manakala pada LUMO pula ketumpatannya tertumpu pada kumpulan hidrazida. Ini menunjukkan perpindahan cas berlaku apabila molekul ini berada pada tahap teruja [27] sama seperti apa yang terjadi pada 5-hidroksiflavona. Satu lagi molekul yang menunjukkan berlakunya perpindahan cas intra-molekul yang dilihat melalui perbezaan lokasi ketumpatan elektron antara HOMO dan LUMO, ialah 4-nitroanilina (Rajah 1.16c). Di sini untuk HOMO cas tertumpu pada kumpulan amina tetapi untuk LUMO cas tertumpu pada gelang aromatik dan kumpulan nitro [28]. Secara keseluruhannya untuk ketiga-tiga

molekul tersebut, HOMO mempunyai ciri ikatan pi ( $\pi$ ) manakala LUMO bercirikan anti-ikatan pi ( $\pi^*$ ).

## 1.6 Terbitan Tiourea dalam Fasa Pepejal

Hasil kajian-kajian konformasi ke atas sebatian arilbenzoiltiourea dan alkilbenzoiltiourea yang telah dibincangkan setakat ini mendapati konformasi molekul tunggal paling stabil (secara komputeran) dan konformasi paling stabil molekul keadaan pepejal (secara pembelauan sinar-X) adalah sama iaitu *trans-cis*. Kajian konformasi dialkilbenzoiltiourea pula mendapati konformasi *trans-cis* adalah konformasi paling stabil untuk molekul tunggal, tetapi memiliki konformasi *trans-cis* atau *trans-trans* pada fasa pepejal berdasarkan kajian pembelauan sinar-X.

Sebatian 1-benzoil-3-etiltiourea yang disintesis dan dilaporkan oleh Yamin *et al.* [29] yang mana strukturnya mampu membentuk ikatan hidrogen intra-molekul sama seperti arilbenzoiltiourea dan alkilbenzoiltiourea mempunyai konformasi *trans-cis* (Rajah 1.17a) untuk molekul tunggal dan keadaan pepejal. Tetapi hasil dari kajian pembelauan sinar-X menunjukkan sebatian itu berada dalam konformasi *trans-trans* (Rajah 1.17b) dalam keadaan pepejal. Oleh itu, ada kemungkinan berlakunya perbezaan konformasi di antara molekul tunggal dan kelompok molekul keadaan pepejal pada sebatian-sebatian lain.



**Rajah 1.17:** Gambarajah dua konformasi sebatian 1-benzoil-3-etiltiourea. (a) *trans-cis* dan (b) *trans-trans*.

## 1.7 Kumpulan Penukarganti


Kumpulan penukarganti adalah komponen kecil pada suatu molekul yang wujud setelah berlakunya proses penukar gantian dengan hidrogen, komponen tersebut boleh mempengaruhi sifat molekul tetapi tidak mengubah ciri-ciri utamanya. Kumpulan penukarganti ini dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan penarik elektron dan kumpulan penderma elektron. Kehadiran kumpulan penukarganti akan menstabilkan sebatian dalam dua keadaan. Kumpulan penderma elektron akan menstabilkan sebatian yang kekurangan elektron (kation), manakala kumpulan penarik elektron akan menstabilkan sebatian yang berlebihan elektron (anion). Ini terjadi dengan cara memperluaskan penyebaran taburan elektron bagi ion-ion tersebut. Kebolehan kumpulan penukarganti ini menderma atau menarik elektron adalah melalui kesan induktif dan kesan resonans. Kesan induktif adalah pergerakan elektron melalui ikatan sigma ( $\sigma$ ) manakala kesan resonans terhasil akibat pergerakan elektron melalui ikatan pi ( $\pi$ )[30].

Halogen (Cl dan Br) pada molekul M2 dan M3 bersifat penarik elektron melalui kesan induktif, manakala kumpulan nitro ( $\text{NO}_2$ ) pada molekul M4 pula bersifat penarik elektron melalui kesan resonans. Metil ( $\text{CH}_3$ ) dan metoksi ( $\text{OCH}_3$ ) adalah kumpulan penderma elektron. Kesan induktif berlaku pada metil (molekul M5) manakala kesan resonans pula terdapat pada metoksi (molekul M6). Kesan kehadiran kumpulan penukarganti pada molekul-molekul ini mungkin dapat mengubah taburan elektronnya. Perubahan ini mungkin dapat dilihat pada perbezaan profil tenaga konformasi, momen dwi-kutub, kereaktifan, keelektronegatifan dan ciri-ciri HOMO - LUMO apabila dibandingkan dengan molekul induk (M1).

## 1.8 Skop Kajian

Enam sebatian 1-benzoil-3-(4-X-fenil)tiourea (Rajah 1.18) yang telah disintesis oleh beberapa kumpulan penyelidik terdahulu [31-36] akan dijadikan bahan kajian. Sebatian - sebatian tersebut adalah:

- i. 1-benzoil-3-feniltiourea,  $C_{14}H_{12}N_2OS$  (M1)
- ii. 1-benzoil-3-(4-klorofenil)tiourea,  $C_{14}H_{11}ClN_2OS$  (M2)
- iii. 1-benzoil-3-(4-bromofenil)tiourea,  $C_{14}H_{11}BrN_2OS$  (M3)
- iv. 1-benzoil-3-(4-nitrofenil)tiourea,  $C_{14}H_{11}N_3O_3S$  (M4)
- v. 1-benzoil-3-(4-metilfenil)tiourea,  $C_{15}H_{14}N_2OS$  (M5)
- vi. 1-benzoil-3-(4-metoksifenil)tiourea,  $C_{15}H_{14}N_2O_2S$  (M6)



**Rajah 1.18:** Struktur sebatian 1-benzoil-3-(4-X-fenil)tiourea (X; H, Cl, Br, NO<sub>2</sub>, CH<sub>3</sub> dan OCH<sub>3</sub>) yang dijadikan bahan kajian ini.